

14 MEI 2018

**Bahana sanggup jadi 'keldai dadah'**

**HARIAN METRO**

## Bahana sanggup jadi 'keldai dadah'

**Kuala Lumpur:** Mudah gelap mata dengan imbuhan wang menyebabkan masih ramai 'keldai dadah' wanita sanggup menjalankan misi maut menyeludup dadah ke negara jiran Indonesia.

Terbaru seorang gadis warga Malaysia berusia 21 tahun diberkas pihak berkuasa Indonesia selepas didapati membawa masuk dadah syabu ke negara itu.

Dalam kejadian Khamis lalu, suspek dikenali sebagai Syarifah ditahan pihak berkuasa ketika berada di Jalan Tien Soeharto, wilayah Nunukan, Kalimantan Utara.

Sumber berkata, suspek ditahan sekitar jam 8 malam, Rabu lalu, selepas pihak polis mendapat maklumat berhubung suspek mencurigakan itu.

"Hasil pemeriksaan lanjut menemui sejumlah dadah syabu serta peralatan menagih syabu milik suspek berasal dari Tawau, Sabah itu," katanya.

Sementara itu, dalam kes berasingan seorang gadis muda berusia 25 tahun turut diberkas selepas dikesan cuba menyeludup dadah syabu dibawa dari Malaysia.

"Suspek warga Indonesia ditahan seurus tiba dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Lapangan Terbang Bandara Husein Sastranegara Bandung, Indonesia.

"Suspek dikesan menggunakan taktik melekatkan bungkus dadah pada kedua-dua pehanya.

"Suspek yang disoal siasat mendakwa berkenalan dengan seorang lelaki warga Afrika di Kuala Lumpur yang kemudian mengupahnya menyeludup dadah seberat 665 gram," katanya.